

SULIT

(EER3043)



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER KEDUA SESI 2007/2008**

KOD/NAMA KURSUS : EER3043 KAEDAH PENYELIDIKAN

TARIKH : 21 APRIL 2008

MASA : 9:00 - 11:30 PAGI (2 ½ JAM)

TEMPAT : DSB K.T/WD

ARAHAN :

1. Kertas soalan ini mengandungi **LIMA (5)** soalan dalam **ENAM (6)** halaman bercetak tidak termasuk kulit hadapan.
2. Anda dikehendaki menjawab **SEMUA** soalan.
3. Semua jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan.

NO. MATRIK : _____

(dengan perkataan)

(dengan angka)

NO. KAD PENGENALAN :

NAMA PENSYARAH : _____

KUMPULAN :

NOMBOR MEJA :

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI
SEHINGGA DIBERI ARAHAN**

SULIT

SOALAN 1 (18 MARKAH)

- a) Kebenaran atau fakta yang ditanggapi oleh pancaindera manusia adalah nisbi sifatnya. Bincangkan pernyataan ini beserta dengan contoh yang sesuai. (6 markah)
- b) Terangkan maksud kerangka konseptual (*conceptual framework*) dan nyatakan 4 perkara yang terkandung di dalamnya. (6 markah)
- c) Bandingkan 3 rekabentuk penyelidikan (*research design*) berikut:
- i. penerokaan (*exploratory*);
 - ii. diskriptif (*descriptive*); and
 - iii. sebab akibat (*casual*)

(6 markah)

SOALAN 2 (20 MARKAH)

- a) Apa yang perlu ada dalam bab matedologi penyelidikan? (5 markah)
- b) Berikan maksud skala pengukuran data (*scale of measurement*) nisbah, ordinal dan nominal (6 markah)
- c) Bagaimana data dalam skala nisbah (*ratio*) boleh ditukarkan kepada skala ordinal dan nominal. (Berikan contoh yang sesuai) (4 markah)
- d) Satu analisis kebolehpercayaan (*reliability analysis*) skala dijalankan untuk menguji kebolehpercayaan instrumen "Likert Scale" sebagai alat ukur untuk mengukur persepsi dan sikap pelanggan. Ujian ke atas data-data yang diperolehi daripada sampel mendapati *Alpha Cronbach* ialah 0.35 iaitu dikatakan sangat rendah dan tidak sesuai untuk ujian lanjutan.

Berdasarkan pernyataan ini jawab soalan berikut:

- i. Apa yang dimaksudkan dengan kebolehpercayaan (*Reliability*) (2 markah)
- ii. Nyatakan 2 kaedah yang mungkin dapat meningkatkan nilai *Alpha Cronbach* tersebut. (3 markah)

SOALAN 3 (20 MARKAH)

- a) Huraikan apakah pra-ujian dan mengapakah pra-ujian dilakukan dalam sesuatu penyelidikan (6 markah)
- b) Satu hipotesis berbunyi: “Wujud perbezaan *mean* yang bererti di antara prestasi pelajar Kaedah Penyelidikan EER3043 dengan ciri-ciri demografi” Berdasarkan hipotesis tersebut jawab soalan-soalan berikut:
 - i. Bentukkan satu contoh hipotesis tersebut kepada bentuk yang lebih operasional. (2 markah)
 - ii. Nyatakan pembolehubah-pembolehubah dan jenis skala pengukuran data (*scale of measurement data*). (4 markah)
 - iii. Nyatakan statistik yang sesuai digunakan. (2 markah)
- c) Baca situasi berikut dan bahaskan rekabentuk persampelan yang sesuai. (6 markah)
 - i. Pihak Hal Ehwal Pelajar, Universiti Utara Malaysia ingin mengkaji kualiti perkhidmatan bas kitaran untuk pelajar di dalam kampus UUM.
 - ii. Pihak Lembaga Universiti Utara Malaysia ingin menilai persepsi masyarakat kampus terhadap penstrukturan semula UUM.
 - iii. Kajian kesan kenaikan harga minyak terhadap pengguna berpendapatan rendah.

SOALAN 4 (22 MARKAH)

- a) Nyatakan 4 andaian apabila anda menggunakan ujian *parametric* untuk menguji hipotesis. (4 markah)
- b) Senaraikan 5 langkah dalam pengujian hipotesis (5 markah)
- c) Satu kajian menilai prestasi bayar balik pinjaman berdasarkan faktor SAIZ PINJAMAN dan PERSEPSI PEMINJAM. Data-data tinjauan telah dianalisis seperti Jadual 4.1 di bawah.

Jadual 4.1a
Group Statistics

	Prestasi Bayar balik	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean
Saiz pinjaman (RM)	<i>NPL</i>	49	13326.53	11072.935	1581.847
	<i>Non NPL</i>	249	11137.75	6779.709	429.646
Persepsi peminjam terhadap kualiti perkhidmatan bank	<i>NPL</i>	49	81.56	18.967	2.709
	<i>Non NPL</i>	249	93.96	14.264	0.903

NPL = Pinjaman Tak Berbayar
Non NPL = Pinjaman Berbayar

Jadual 4.1b
Independent Samples Test

		Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means						
		F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% Confidence Interval of the Difference	
									Lower	Upper
Saiz pinjaman (RM)	Equal variances assumed	1.946	.164	1.83	296	.068	2188.77	1194.24	-161.50	4539.06
	Equal variances not assumed			1.33	55.28	.187	2188.77	1639.15	-1095.78	5473.34
Persepsi peminjam terhadap kualiti perkhidmatan bank	Equal variances assumed	8.341	.004	-5.24	296	.000	-12.39	2.36	-17.04	-7.74
	Equal variances not assumed			-4.34	59.13	.000	-12.39	2.85	-18.11	-6.68

Berdasarkan Jadual 4.1a dan 4.1b, jawab soalan-soalan berikut:

- i. Nyatakan pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas (2 markah)
 - ii. Nyatakan hipotesis nul dan hipotesis alternatif (1 markah)
 - iii. Nyatakan keputusan dan kesimpulan penemuan tersebut (2 markah)
- d) Analisis seterusnya untuk menilai perkaitan di antara pretasi bayar balik dengan jenis struktur pemilikan perusahaan oleh peminjam. Data-data dari tinjauan telah dianalisis seperti Jadual 4.2 di bawah.

Jadual 4.2a
Jenis struktur pemilikan projek * Prestasi Bayar balik Crosstabulation

		Prestasi Bayar balik		Total	
		NPL	Non NPL		
Jenis struktur pemilikan projek	Individu (Tak berdaftar)	Count	14	56	70
		Expected Count	11.5	58.5	70.0
	Pemilik tunggal (Berdaftar)	Count	29	166	195
		Expected Count	32.1	162.9	195.0
	Perkongsiaian keluarga	Count	5	26	31
		Expected Count	5.1	25.9	31.0
Perkongsian bukan keluarga	Count	1	1	2	
	Expected Count	.3	1.7	2.0	
Total		Count	49	249	298
		Expected Count	49.0	249.0	298.0

Jadual 4.2b
Chi-Square Tests

	Value	df	Asymp. Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	2.636(a)	3	.451
Likelihood Ratio	2.170	3	.538
Linear-by-Linear Association	.107	1	.743
N of Valid Cases	298		

a. 2 cells (25.0%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .33.

Berdasarkan Jadual 4.2, jawab soalan-soalan berikut:

- i. Nyatakan skala pengukuran data (*scale of measurement*) yang digunakan (sama ada nominal, ordinal, sela atau nisbah). (2 markah)
 - ii. Nyatakan hipotesis nul dan hipotesis alternatif (1 markah)
 - iii. Nyatakan keputusan dan kesimpulan penemuan tersebut (2 markah)
- e) Berdasarkan maklumat statistik dalam Jadual 4.2, didapati analisis tersebut tidak memenuhi pra-syarat penggunaan statistik Khi Kuasa Dua (χ^2). Nyatakan satu pra-syarat tersebut dan berikan dua (2) cadangan bagaimana untuk mengatasinya. (3 markah)

SOALAN 5 (20 MARKAH)

Sekumpulan pelajar telah menjalankan kajian untuk melihat tahap kepuasan pengguna terhadap dua buah restoran, UTARA SAJIAN dan LEMBAH SINTOK.

a). Hasil kajian adalah seperti berikut.

Jadual 5.1a
Descriptive Statistics

Restauran	Pembolehubah	Mean
UTARA SAJIAN	Y – Kepuasan Pelanggan	4.78
	X ₂ – Kualiti Hidangan	5.24
LEMBAH SINTOK	Y – Kepuasan Pelanggan	5.96
	X ₂ – Kualiti Hidangan	5.81

- i. Berdasarkan analisis diskriptif (Jadual 5.1a), huraikan secara ringkas hasil yang diperolehi?

(2 markah)

b) Berikut adalah jadual *ANOVA* bagi kedua-dua restaurant.

Jadual 5.1b
ANOVA

Restauran		Sum of Squares	Mean Square	F	Sig.
UTARA SAJIAN	Regression	35.001	35.001	C:	0.000
	Residual	98.159	1.002		
	Total	A:			
LEMBAH SINTOK	Regression	10.310	10.310	D:	0.001
	Residual	B:	0.852		
	Total	93.840			

Berdasarkan jadual *ANOVA* di atas jawab soalan berikut:

- ii. Lengkapkan ruang A, B, C dan D jadual di atas. (2 markah)
- iii. Berdasarkan nisbah F bagi kedua-dua restaurant, huraikan jawapan anda. (2 markah)
- iv. Hitung nilai pekali penentu (R^2) serta huraikan jawapan anda (4 markah)
- v. Adakah wujud hubungan yang signifikan antara Kepuasan Pelanggan dan Kualiti Hidangan di kedua-dua restaurant tersebut?. Tunjukkan jawapan anda. (2 markah)

c) Hasil regresi antara Kepuasan Pelanggan dan Kualiti Hidangan adalah seperti berikut:

Jadual 5.1c
Coefficients

		<i>Unstandardized Coefficients</i>		<i>Unstandardized Coefficients</i>	<i>t</i>	<i>Sig.</i>
Restauran		B	Std. Error	Beta		
UTARA SAJIAN	Kualiti Hidangan	0.459	0.078	0.513	E:	0.000
LEMBAH SINTOK	Kualiti Hidangan	0.284	0.082	0.331	F:	0.001

Berdasarkan Jadual 5.1c di atas jawab soalan berikut:

- i. Lengkapkan ruang E dan F jadual di atas. (2 markah)
- ii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kepuasan pelanggan dan kualiti hidangan? Jelaskan jawapan anda. (3 markah)
- iii. Adakah kualiti hidangan meningkatkan tahap kepuasan pelanggan? Huraikan jawapan anda. (3 markah)